

Unit bantuan bagi mangsa salah laku seksual di NUS

SEBUAH unit baru yang dikhushuskan untuk menyokong pelajar Universiti Nasional Singapura (NUS) yang menjadi mangsa salah laku seksual kini sudah dibentuk dan beroperasi.

Provost NUS Profesor Ho Teck Hua mengumumkan pembukaan Unit Penjagaan Mangsa dalam surat pekeliling kepada pelajar semalam.

Unit itu – yang pertama seumpamanya di universiti tempatan di sini – diketuai oleh Profesor Madya Sandy Lim dari Sekolah Perniagaan NUS lapor *The Straits Times*.

Beliau telah menjalankan penyelidikan dalam bidang tingkah laku tidak sopan atau tidak berperikemanusiaan, termasuk mangsa salah laku seksual.

Sebelum kerjaya akademiknya, Profesor Lim merupakan ahli psikologi lapangan di Kementerian Pertahanan, dan mempunyai pengalaman menyediakan sokongan psikologi kepada agensi dalam krisis dan kecemasan negara.

Unit itu ditubuhkan selepas seorang mahasiswa wanita meluahkan perasaan di media sosial, rasa kurang senangnya tentang cara

NUS mengendalikan kes selepas beliau menjadi mangsa dirakam semasa mandi di Eusoff Hall.

Luahan beliau mencetuskan perbincangan tentang bagaimana salah laku seksual harus dikendalikan di institusi pengajian tinggi.

Pelbagai pertubuhan seperti Persatuan Wanita bagi Tindakan dan Kajian (Aware) dan beberapa universiti lain di luar negara telah dirujuk dalam proses penubuhan unit itu untuk mengetahui tentang sistem mereka.

Dalam e-melnya kepada pelajar, Profesor Ho berkata:

“(Unit Penjagaan Mangsa) menawarkan ruang yang selamat bagi mangsa mendapatkan sokongan daripada sekumpulan profesional terlatih yang berpengalaman dalam membantu mangsa-mangsa salah laku seksual.”

Unit itu mempunyai lima kakitangan, atau pegawai penjagaan, yang akan berinteraksi dengan pelajar yang inginkan bantuan, serta kakitangan pentadbiran dan penyelidikan.

Sebagai permulaan, pasukan itu akan mengusahakan kaji selidik mengenai pelajar universiti untuk lebih memahami kelaziman salah laku seksual di NUS, dan mengetahui berapa sering kes sedemikian tidak dilaporkan.

“Bergantung statistik hanya dari pasukan keselamatan kampus atau polis biasanya tidak tepat, kerana ini hanya kes dilaporkan,” kata Profesor Lim, dalam artikel di laman web universiti semalam.

Beliau berkata: “Kami di sini untuk memberi mereka bantuan, supaya mereka ada orang yang boleh diajak berbincang dalam sekitaran yang selamat, dan membantu mereka dalam proses pemulihan.”

“Selagi mereka pelajar NUS, mereka boleh datang kepada kami untuk mendapat sokongan, tanpa menghiraukan siapa pelaku atau di mana kejadian itu berlaku,” katanya.

Ini termasuk kes-kes yang berlaku di luar kampus, di negara lain atau di masa lalu. Pelajar juga akan terus menerima bantuan selepas mereka lulus, jika perlu.

Pegawai penjagaan dipilih kerana pengalaman mereka dalam membantu mangsa dari pelbagai latar belakang, etnik, identiti dan orientasi. Mereka juga mempunyai pengalaman sebagai kaunseelor, dan bekerja dengan polis.

Mangsa boleh menghubungi unit melalui talian hotline 24 jam, borang hubungan dalam talian sulit atau e-mel.

Mereka kemudian akan dihubungkan dengan pegawai penjagaan, yang akan bekerja dengan mereka untuk mengenal pasti keperluan dan sumber yang mendekak.

Jika diperlukan, pegawai penjagaan juga akan berhubung dengan unit atau agensi lain bagi pihak mereka, termasuk merujuk mereka kepada kaunselor.

Laman web unit boleh diakses di <https://victimcare.nus.edu.sg>.